

MURAI BATU SIUL
Blue Whistling Thrush

FAMILI: Turdidae
NAMA SAINTIFIK: *Myophonus robinsoni*

CIRI-CIRI

Individu jantan dewasa bagi spesies ini terbahagi kepada beberapa sub-spesies. Bagi sub-spesies *M.c. eugenei*, individu ini mempunyai saiz yang agak besar di mana bahagian bulu badan berwarna biru keunguan manakala bahagian paruh pula berwarna kuning. Bagi sub-spesies *M.c. caeruleus* pula, individu ini agak kecil di mana bahagian paruh berwarna hitam manakala sub-spesies *dicrorhynchus* (bahagian tenggara selatan Thailand dan Semenanjung Malaysia [kecuali bahagian utara hingga barat]) bahagian bulu badan adalah lebih pudar dan berwarna coklat di mana pada bahagian hujung bulu sayap terdapat warna putih pudar. Pada bahagian atas belakang badan, sisi tengkuk, bahagian atas pangkal sayap dan rengkong, terdapat bintik-bintik kebiruan yang berkilat. Bagi individu juvenil pula, individu ini mempunyai bahagian bulu badan yang berwarna coklat gelap serta bahagian paruh yang lebih pudar. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 30.5 sm-35 sm.

MAKANAN

Spesies ini memakan haiwan invertebra, amfibia serta buah-buahan yang bersaiz kecil.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan dipterokap dan kawasan hutan campuran di mana selalunya dijumpai di kawasan sungai yang berbatu, kawasan air terjun, gua dan adakalanya dijumpai di kawasan hutan paya bakau pada ketinggian sehingga ke 3,050 m dari aras laut. Di Semenanjung Malaysia, spesies ini dijumpai di kawasan berketinggian kurang daripada 1,220 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi bergetar yang kasar. Bunyi yang dikeluarkan termasuklah bunyi *scree* yang kuat dan kasar, menyerupai bunyi spesies Murai Cegar Belukar *Enicurus leschenaultia* yang kuat dan seakan-akan menjerit.

PEMBIAKAN

Musim membiak bagi spesies ini adalah di antara bulan Januari hingga Ogos di mana sarang dibina di kawasan tebing berbatu dan tanah. Adakalanya sarang dibina pada bahagian lubang pokok, bahagian bangunan dan dahan pokok. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 2-5 biji berwarna kelabu kehijauan ke warna krim kuning pucat dan terdapat jalur berwarna merah jambu ke coklat pudar. Telur ini berukuran kira-kira 35.8 X 24.8 mm.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.